

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN NO. 373

Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bayaran per kapita kepada setiap negeri dan apakah asas dan formula pembayaran tersebut.

DRAF JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2018, jumlah Pemberian Mengikut Kepala (*Capitation Grant*) kepada semua Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM405.8 juta. Kerajaan Negeri Selangor penerima tertinggi Pemberian Mengikut Kepala iaitu berjumlah RM74.5 juta, diikuti dengan Sabah (RM47.6 juta), Johor (RM47.0 juta), Sarawak (RM36.3 juta) Perak (RM34.2 juta), Kedah (RM29.7 juta), Kelantan (RM25.7 juta), Pulau Pinang (RM24.7 juta), Pahang (RM24.6 juta), Terengganu (RM19.0 juta), Negeri Sembilan (RM18.2 juta), Melaka (RM15.6 juta) dan Perlis (RM8.7 juta).

Pemberian Mengikut Kepala adalah berdasarkan kepada peruntukan Perkara 109(1)(a) dan Bahagian I, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Pemberian ini dikira berdasarkan Akta 622 yang berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2002 seperti berikut :

| | | |
|----------------------------|---|-----------------|
| 100,000 orang yang pertama | - | RM72.00 seorang |
| 500,000 orang berikutnya | - | RM10.20 seorang |
| 500,000 orang berikutnya | - | RM10.80 seorang |
| Baki selebihnya | - | RM11.40 seorang |

Kementerian Kewangan akan mengguna pakai data bilangan penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi pengiraan pemberian ini. Penyaluran pemberian akan dibuat 2 kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Julai.

MAKLUMAT TAMBAHAN

DISEDIAKAN OLEH : NOR MUHAMAD CHE DAN
JAWATAN : KU(A)4
NO. TELEFON : 0388823837
NO. H/P : 0174987710

DISEMAK OLEH : SUHARA BINTI SALLEH
JAWATAN : TPBN(A)
NO. TELEFON : 0388823835
NO. H/P : 0193232685

DISAHKAN OLEH : JOHAN MAHMOOD MERICAN
JAWATAN : PBN
NO. TELEFON : 0388823838
NO. H/P : 0122014295